



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	30/01/2018

## Jumpa duta EU bukti bekas PM tiada prinsip

BH - 30/1/2018

**Kuala Lumpur:** Tindakan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Tun Dr Mahathir Mohamad mengadakan perjumpaan dengan duta negara Kesatuan Eropah (EU) disifatkan sebagai pemimpin yang tidak berpegang kepada prinsip.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata Dr Mahathir ketika pentadbirannya dahulu begitu sensitif apabila membangkang mengadakan pertemuan dengan pihak luar.

"Dahulu Dr Mahathir begitu sensitif apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan pertemuan dengan duta luar. Beliau menuduh sebagai kerjasama dan cuba campur tangan terhadap urusan negara.

"Sekarang, beliau sendiri yang melakukannya dan seperti lupa apa yang pernah diperkatakannya dulu," katanya.

### Perlu sensitif terhadap isu

Beliau berkata demikian pada pemberita selepas menyaksikan Majlis Penyerahan Unit Gerabak Kereta Api kepada Universiti Kuala Lumpur (UniKL) di UniKL Asia Rail Centre, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi MARA, Datuk Dr Awang Adek Hussin; Pengerusi UniKL, Datuk Seri Dr Adham Baba dan Ketua Pegawai Eksekutif Technology Depository Agency, Datuk Zailani Safari.

Ismail Sabri juga berkata, ketika Parlimen EU dalam usaha untuk menyekat kemasukan produk sawit ke pasaran Eropah menjelang 2021, Dr Mahathir juga harus lebih sensitif terhadap isu ini.

Katanya, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Zahid Hamidi juga sudah menegaskan supaya tindakan sama diambil terhadap EU sekiranya negara kesatuan terbabit mengambil tindakan boikot produk minyak sawit negara.

"Tindakan itu akan memberi kesan dan menjejaskan pekebun kecil dan peneroka FELDA. Jadi kita perlu bersatu dan bukannya mengambil tindakan yang bersifat kepentingan politik peribadi," katanya.